

Abdullah mahu keluarga UMNO tanpa dadah, jenayah

Um-5/2/2007

Oleh AINOL AMRIZ ISMAIL
dan TARMIZI ABDUL RAHIM

SEREMBAN 4 Feb. - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menyasarkan penagih dadah dan kes juvenil sifar dengan memastikan tiada seorang pun ahli keluarga UMNO terlibat dalam gejala sedemikian.

Presiden UMNO itu berkata, ahli UMNO perlu serius menjaga keluarga masing-masing supaya tidak terjebak dengan gejala sosial dan menjadi contoh kepada anak serta keluarga lain untuk terus menjadi insan yang berguna kepada bangsa, agama dan negara.

Bercakap kepada pemberita selepas melancarkan program "Satu Keluarga Satu Kaunselor" anjuran Biro Pembangunan Sosial, Majlis Tertinggi UMNO di sini, hari ini, Abdullah mahu keluarga ahli parti itu berperanan besar sebagai kaunselor, yang akan memberikan bantuan awal untuk menangani isu berkenaan.

"Saya menganggap program 'Satu Keluarga Satu Kaunselor' ini adalah baik dan kita perlu laksanakan dengan serius. Kaunselor pula perlu tekun untuk belajar teknik bagaimana mahu menjadi kaunselor yang baik," kata beliau.

Hadir sama pada majlis pelancaran itu ialah Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil dan Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad Hasan.

Abdullah yang juga Perdana Menteri menambah, pemimpin yang diberi tugas sebagai kaunselor di rumah akan menjadi penghulu dalam keluarga dan bila berlaku sebarang perkara, mereka dapat menanganinya dengan baik sebelum bantuan daripada polis dan sebagainya tiba.

"Saya amat berharap kita dapat kurangkan kejadian yang tidak diinginkan dalam keluarga, kurangkan masalah dadah atau maksiat," katanya.

Ditanya apakah beliau berasa amat kesal dengan gejala sosial membabitkan orang Melayu, Abdullah berkata: "Yang mendukacitakan, mereka yang terlibat dengan kerutuhan ini membabitkan orang Melayu... dadah, curi, hidup liar, kumpulan buas dan liar, ganggu masyarakat, semua

Program 'Satu Keluarga Satu Kaunselor' ini adalah baik dan kita perlu laksanakan dengan serius. Kaunselor pula perlu tekun untuk belajar teknik bagaimana mahu menjadi kaunselor yang baik

PERDANA MENTERI



ABDULLAH Ahmad Badawi memasukkan replika kunci sebagai simbol pelancaran Program Satu Keluarga Satu Kaunselor sambil diperhatikan oleh Shahrizat Abdul Jalil dan Mohamad Hasan di Seremban, Negeri Sembilan, semalam.

libatkan orang Melayu."

Justeru, kata Abdullah, program itu dapat memberi manfaat kepada keluarga dan hubungan mereka akan lebih akrab dan sayang menyayangi antara satu sama lain.

"Keluarga adalah unit terpenting dalam sesebuah negara, masyarakat dan kaum. Kalau semua keluarga itu baik, maka baik-

lah masyarakat. Penyakit sosial ini sebenarnya berpunca daripada apa yang berlaku dalam keluarga itu sendiri.

"Didik anak-anak supaya jadi baik. Kalau ibu bapa tak tunjuk benda baik, anak-anak mungkin akan jadi liar, terjerumus dalam benda yang tak baik, malulah keluarga itu nanti," kata Abdullah.

Beliau juga mahu memastikan kes yang berkaitan juvenil juga hendaklah sifar dan tidak berlaku dalam keluarga besar UMNO.

Ditanya apakah golongan ulama juga boleh dijemput untuk menjadi kaunselor, Abdullah memberitahu, khidmat mereka mungkin boleh digunakan.